



Ruj. Kami: JANM.BPOPP.600-15/4/5(31)

Tarikh: 20 September 2019

Semua Ketua Akauntan Kementerian  
Semua Pengarah Negeri dan Cawangan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

YBrs Dr/Tuan/ Puan,

**PEMBAYARAN TAMBAH NILAI KAD TOUCH N' GO UNTUK KERETA RASMI  
JAWATAN YANG TIDAK DAPAT DIKENALPASTI**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada mesyuarat bersama agensi Touch n' Go berhubung perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/ puan sedia maklum, perolehan tambah nilai KaD Touch N' Go melalui terminal untuk Kereta Rasmi Jawatan adalah melalui sistem ePerolehan. Walaubagaimanapun, pihak Touch n' Go memaklumkan bahawa terdapat bayaran yang dibuat oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan yang menyebabkan pembayaran tersebut tidak dapat dikenalpasti untuk tujuan penyesuaian. Ini menyebabkan terdapat sejumlah "Unidentified Receipt" yang tidak dikemaskini ke akaun berkenaan oleh pihak Touch n' Go.

3. Sehubungan dengan itu, Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan perolehan tambah nilai KAD Touch N' Go untuk Kereta Rasmi Jawatan dibuat melalui sistem ePerolehan dan penggunaan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan bagi tujuan ini hendaklah dikuiiri oleh Pejabat Perakaunan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Peringkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD REDZUAN BIN HASSAN C.A (M))

Pengarah

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

b.p. Akauntan Negara Malaysia